

# Buletin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Rabiul Awwal 1446H/September 2024

# ACIS

## Meneladani Rasulullah SAW

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Kelebihan Memperbanyakkan Niat Dalam Amalan



Oleh:

**Dr. Ahmad Sabri Osman**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam.

Niat menurut bahasa adalah mengarah diri kepada sesuatu perbuatan (*al-Mu'jam al-Wasith*, 1021). Manakala menurut Dewan Bahasa dan Pustaka pula, niat adalah maksud atau tujuan sesuatu perbuatan (Kamus Dewan Edisi Keempat: 1080).

Menurut Istilah pula, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh ulama antaranya oleh Imam al-Nawawi:

النِّيَّةُ عَزْمُ الْقَلْبِ عَلَى فِعْلٍ فَرِضٍ أَوْ غَيْرِهِ

Maksudnya: "Niat adalah keazaman (tekad) di dalam hati di atas setiap perkara yang fardu dan selain daripadanya (wajib)" (al-Majmu': 310/1).

Selain itu, Ibn Abidin berkata:

قَصْدُ الطَّاعَةِ وَالتَّقَرُّبِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى فِي إِجَادِ الْفِعْلِ

Maksudnya: "Niat adalah tujuan melakukan ketaatan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan perbuatan" (Rad al-Mukhtar: 105/1).

Berdasarkan definisi di atas, bolehlah dirumuskan bahawa niat adalah lintasan dalaman hati pada saat ingin melakukan sesuatu perkara.

Perbincangan mengenai niat merupakan suatu yang amat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Ini kerana niat memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan sesuatu amalan itu menjadi ibadat atau sekadar adat semata-mata. Umum mengetahui bahawa Imam al-Nawawi Rahimahullahu Ta'ala meletakkan hadis tentang niat sebagai hadis yang pertama dalam susunan hadis 40 beliau. Selain itu, Imam al-Ghazali telah membahaskan dengan panjang lebar tentang perkara niat ini di dalam kitabnya *Siyarus Salikin*, oleh Syekh Abdus Samad al-Jawi al-Palembani, juz 4, halaman 300-310, kata beliau:

"Ketahuilah bahawa niat, iradat dan qasad di dalam hati itu merupakan ibarat-ibarat yang disebut untuk pengertian yang

satu iaitu keadaan dan sifat hati yang diliputi oleh dua perkara: ilmu dan amal. Bagi hati, ilmu itu seperti muqaddimah dan syarat, sementara amalan itu menyusulinya. Niat diibaratkan sebagai iradat atau kehendak iaitu qasad yang pertengahan di dalam hati di antara ilmu yang mendahului dan amalan yang menyusuli, yang mana seseorang itu mengetahui tentang sesuatu lalu bangkitlah iradatnya di dalam hati untuk berbuat sesuatu iaitulah dinamakan niat. Amalannya itu sesuai dengan ilmunya yang telah mendahuluinya".

Berdasarkan kata-kata Imam Ghazali di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa setiap ibadat yang zahir terdiri daripada **tiga perkara**:

1. Ilmu
2. Iradat (niat)
3. Amalan

Sebelum melakukan sesuatu ibadat, kita perlu memiliki ilmu tentang hal ehwal ibadat tersebut agar ibadat diterima Allah SWT. Kemudian kita berniat atau mempunyai kemahuan untuk melakukan ibadat itu, maka terjadilah amalan ibadat tersebut. Daripada Umar bin al-Khattab RA, katanya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ، وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَا نَوَى

Maksudnya: "Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat, dan sesungguhnya bagi setiap individu itu adalah berdasarkan apa yang diniatkannya..." (Riwayat al-Bukhari [1], Muslim, [1907]).

Berdasarkan hadis ini, kita sedia maklum bahawa niat merupakan perkara yang amat penting kerana ia yang akan menentukan tujuan amalan tersebut.



Persoalannya, antara niat dan amalan, manakah yang lebih baik? Bagi menjawab persoalan ini, hadis daripada Sahl bin Sa'ad bahawa Nabi SAW bersabda:

نِيَّةُ الْمُؤْمِنِ خَيْرٌ مِنْ عَمَلِهِ

Maksudnya: "Niat seorang mukmin lebih baik daripada amalannya". (Riwayat al-Thabarani (5942) dalam al-Mu'jam al-Kabir, 185/6).

Ini disebabkan niat untuk melakukan sesuatu kebaikan sahaja pun telah dicatatkan pahala oleh Allah SWT. Berbeza dengan amal kebaikan yang kadang-kadang tidak diberikan pahala meskipun amalannya begitu gah sekali disebabkan ada unsur riak, ujub dan seumpamanya yang menyertai amalan tersebut. Imam Ghazali juga menyebutkan bahawa niat yang tidak disertai dengan amalan adalah lebih baik daripada amalan yang tidak disertai niat. Walau bagaimanapun, ia perlu difahami dengan jelas di sini supaya tidak berlaku kesalahfahaman sehingga berlaku niat sahaja tanpa amal. Seterusnya, niat yang disertai dengan amalan itu sudah tentulah lebih baik daripada amalan tanpa penyertaan niat. Inilah yang terbaik sebenarnya yang sepatutnya diamalkan umat Islam.

Justeru, bagi meningkatkan darjat dan pahala amalan, umat Islam disyorkan untuk memperbanyakkan niat dalam amalan agar amalan yang satu sahaja tetapi mendapat pahala yang berlipat kali ganda disebabkan niat yang bercabang-cabang. Imam al-Ghazali memberikan contoh seorang yang pergi ke masjid boleh memacakkan sebanyak lapan niat di dalam hatinya iaitu pertama, untuk solat berjemaah; kedua, untuk menziarahi Allah SWT; ketiga, untuk murabathah, iaitu duduk untuk menunggu solat berjemaah; keempat, untuk beri'tikaf; kelima, untuk berkhawatir iaitu bersunyi-sunyian dalam masjid untuk zikrullah, fikir tentang akhirat, mendengar bacaan al-Quran dan sebagainya; keenam, untuk berkongsi ilmu dengan saudaranya jika dia memiliki sedikit sebanyak ilmu agama; ketujuh, untuk duduk dalam majlis ilmu dan kelapan, untuk menjauhi maksiat, di mana sudah tentulah apabila berada di dalam masjid, dia akan cenderung untuk melakukan amal ibadah dan secara automatik jauh daripada maksiat yang banyak wujud di luar masjid. Selain daripada lapan niat itu, mungkin ada lagi niat-niat lain yang boleh ditambah seperti untuk menghubungkan silaturrahim sesama umat Islam dan sebagainya.

Begitu juga dengan amalan yang mubah atau harus jangan lupa untuk diniatkan kerana Allah agar ia menjadi ibadah yang mendapat pahala, sebagaimana kata Imam al-Ghazali:

*"Tiada sesuatu daripada perkara yang mubah melainkan ia memikul suatu niat atau niat-niat yang mana dengannya ia menjadi suatu daripada perkara-perkara kebajikan yang menghampirkan diri kepada Allah SWT serta mencapai darjat yang tinggi dalam syurga. Alangkah besarnya kerugian orang yang melupakan niat dalam amalan yang mubah ini. Ia melakukannya seperti binatang-binatang ternak yang gerak gerinya dalam keadaan lupa dan lalai".*

Sebagai contohnya, memakai minyak wangi atau bau-bauan pada hari Jumaat atau hari-hari yang lain, maka sematkan beberapa niat agar ia menjadi ibadah yang bertambah-tambah pahalanya seperti kerana mengikut sunnah Rasulullah SAW, mengelakkan bau yang tidak menyenangkan yang boleh membawa kepada umpatan orang kepada kita, untuk menyenangkan hati orang yang baitullah, untuk menambahkan akal dan kecerdasan dan sebagainya. Dengan adanya niat-niat yang disebutkan itu, maka perbuatan memakai minyak wangi atau bau-bauan itu yang pada asalnya harus akan berubah menjadi ibadah yang banyak pahalanya di sisi Allah SWT. Walau bagaimanapun, harus berhati-hati kerana kadang-kadang ia menjadi maksiat dan haram kerana adanya unsur riyak, kemegahan, supaya dipuji orang akan harum baunya dan sebagainya.

Kesimpulannya, amalan menggandakan niat ini nampak mudah tetapi jika tidak dibiasakan ia tidak akan menjadi amalan kita dan ini sudah tentulah akan merugikan kita. Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, inilah antara kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepada kita iaitu amalan yang sedikit tetapi mendapat pahala yang banyak disebabkan oleh rahmat Allah yang melimpah ruah kepada kita. Kita juga tidak mengetahui perkara ini tanpa tunjuk ajar baginda Nabi SAW dan bimbingan daripada ulama-ulama terdahulu seperti Imam al-Ghazali, al-Nawawi dan lain-lain. *Wallahu A'lam.*

#### Rujukan:

Syeikh Abdus Samad al-Jawi al-Palembani (2003), *Siyarus Salikin ila 'Ibadati Rabb al-'Alamin*, Juz. 4, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura.

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1439-irsyad-al-hadith-siri-ke-142-niat-seorang-mukmin-lebih-baik-daripada-amalannya>.

